

Disiplin: UMNO akan bincang tindakan terhadap ahli

UM 10 DEC 1999

12

Oleh ZULKIFLI JALIL

KLJALA LLJMPUR 9 Dis. — Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin UMNO akan membincangkan bentuk tindakan terhadap anggota parti ekoran banyak aduan masalah disiplin dan salah laku yang diterima semasa pilihan raya umum lalu.

Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, keputusan mesyuarat jawatankuasa itu minggu depan akan dirujuk kepada Majlis Tertinggi (MT) UMNO untuk tindakan muktamad.

Khalil bagaimanapun tidak menyebut bentuk tindakan yang bakal diambil.

“UMNO terima banyak ‘rujukan’ (aduan). Kita akan membawanya kepada mesyuarat peringkat jawatankuasa sebelum menyerahkannya untuk keputusan akhir MT,” katanya kepada *Utusan* di ibu pejabat UMNO hari ini.

Pencapaian UMNO, yang menunjangi Barisan Nasional (BN) agak merosot pada pilihan raya umum ke-10 pada 29 November lalu apabila memperoleh 72 kerusi Parlimen berbanding 88 kerusi pada 1995.

Dalam hubungan ini, Khalil yang juga Pengarah Pilihan Raya BN berkata, mesyuarat MT minggu depan akan memfokuskan agenda meni-

lai prestasi UMNO pada pilihan raya umum lalu.

Tarikh mesyuarat akan ditentukan oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

“Saya akan membentangkan satu kertas kerja yang merumuskan penganalisan awal prestasi UMNO. Kita akan melihat segala kekuatan dan kelemahan UMNO,” katanya.

Kertas kerja itu, kata Khalil, sedang disiapkannya sebagai satu permulaan bagi membolehkan kajian menyeluruh yang akan dibuat oleh MT.

Dalam mesyuarat itu kelak, semua Pengerusi Perhubungan UMNO khususnya

negeri-negeri yang jatuh dan ‘hampir jatuh’ ke tangan pembangkang, perlu mengemukakan pandangan dan alasan mengenai punca kemerosotan.

Dalam pada itu, Khalil yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Pahang berkata, beliau tidak mempunyai masalah peribadi dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Besar, Datuk Fauzi Abdul Rahman.

“Tak ada masalah dengan (Datuk) Fauzi. Jika ada yang mendakwa ada keretakan, itu kena tanya mereka. Saya tak ada ulasan,” katanya.